

# UZBEKISTAN & TAJIKISTAN

11 HARI 9 MALAM




**TASHKENT – URGENCH – KHIVA - BUKHARA –  
GIJDUVAN - SAMARKAND – PANJAKENT  
– SAMARKAND - TASHKENT**

TOUR CODE: ATT09-HK



11H9M

# UZBEKISTAN & TAJIKISTAN



Ark of Bukhara

## HOTEL PENGINAPAN 3\* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Tashkent	Grand Atlas	2 Mlm
Khiva	Old Khiva	1 Mlm
Bukhara	Porso Hotel	2 Mlm
Samarkand	Malika Classic	2 Mlm
Panjakent	Panjakent Plaza	2 Mlm

## JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETD
1	HY 554	KUL - TAS	1140	1840
1	HY 057	UGC - BHK	0730	0840
8	HY 553	TASK - KUL	2340	1010

PERBEZAAN WAKTU

UZBEKISTAN GMT -3

PERBEZAAN WAKTU

TAJIKISTAN GMT -3

UZBEKISTANI SOM UZS1000

= Ringgit Malaysia MYR 0.40

TAJIKISTANI SOM TJS1

= Ringgit Malaysia MYR 0.41



Guri Amir Mausoleum



## HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket penerbangan domestik Tashkent – Bukhara kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket keretapi Samarkand – Tashkent.
- Penginapan hotel 3 malam bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

## HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.



11 HARI 9 MALAM

# UZBEKISTAN & TAJIKISTAN

Tashkent – Urgench – Khiva - Bukhara – Gijduvan - Samarkand – Panjakent – Chimgan Mountains

## HARI 1 MM

Kuala Lumpur - Tashkent - Urgench - Khiva

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan terus ke Tashkent. Penerbangan domestik dari Tashkent ke Urgench. Bermalam di Khiva.

## HARI 2 SP/MT/MM

Khiva

Lawatan di Khiva:

- **Ichon-Qala:** Ichon Qala bermakna ‘kota dalam kota’ yang dilindungi oleh dinding bata setinggi 10 meter di tengah kota Khiva. Di masa lalu, Ichon Qala menjadi tempat istirahat sementara para pedagang sebelum melintasi gurun menuju ke Iran.



Ichon-Qala

- **Kunya-Ark Fortress:** Kubu lama dan kediaman pemerintah Shiva, yang pertama kali dibina pada abad ke-12.
- **Kalta Minor Minaret:** Simbolik utama Inchan Qala. Dibina oleh Muhammad Amin Khan dan pernah menjadi salah satu menara terbesar dan tertinggi di Asia tengah.
- **Tash Khouvli Palace:** dikenali dengan gelaran “Rumah Batu” kerana pembinaannya padat dengan seramik biru dengan ukiran dan corak yang rumit. Dibina pada tahun 1832-1841 oleh **Allakuli Khan**.

Bermalam di Khiva.

## HARI 3 SP/MT/MM

Khiva - Bukhara

Bergerak ke bandar Bukhara.

- Dalam perjalanan ke Bukhara akan melalui **Kizilkum Dessert** dan menikmati pemandangan **Amu Darya River**. Aktiviti bebas di Bukhara.

Bermalam di Bukhara.

## HARI 4 SP/MT/MM

Bukhara

Lawatan di Bukhara:

- **Ark of Bukhara:** Kota pertahanan dan kediaman rasmi diraja yang masyhur di dalam Laluan Sutera yang dibina sejak abad ke-5 lagi oleh Putera Parsi Siyavusha dan di dalamnya terdapat istana, pasar, muzium dan Arslan Khan Mosque yang dibina pada 1119.
- Menziarahi kompleks makam diraja **Samanid Mausoleum** yang dibina seawal kurun ke 10 dan juga **Chashma Nabi Ayub** yang dibina pada abad ke-12 untuk melindungi telaga Nabi Ayub di dalamnya.
- Menziarahi **Bolo Haouz Mosque** yang dibina sebegitu indah pada tahun 1712.
- **Lyabi-Khauz Ensemble:** Merupakan sebuah kawasan yang terdiri dari 3 buah bangunan utama iaitu Kukeldash Madrasah dibina pada 1568, Nadir Divan -Begi Madrasah pada 1619 dan Nadir Divan-Begi Khanqah (yang merupakan tempat perkumpulan ahli sufi) pada 1622.
- **Poi Kalan Complex:** Sebuah dataran ikonik dan bersejarah di kota ini kerana dibina sejak tahun 1121 lagi, yang menempatkan 3 buah bahagian utama iaitu Kalan Mosque, Kalan Minaret dan Miri Arab Madrasah

Bermalam di Bukhara.



Poi Kalan Complex



## HARI 5 SP/MT/MM Bukhara - Gijduvan - Samarkand

Lawatan di Gijduvan:


- **Gijduvan Village:** melihat pembuatan barang seramik Gijduvan yang cukup terkenal dengan ukiran bentuk geometri berwarna hijau dan biru. Di sini juga tetamu juga berpeluang mencuba sendiri membuat barangan seramik.

Bermalam di Samarkand.

## HARI 6 SP/MT/MM Samarkand

Lawatan di Samarkand:

- **Registan Square:** Merupakan dataran yang paling ikonik mewakili negara ini dan kawasan terpenting bagi kota kuno Samarkand yang berusia sama tua dengan kota Rome dan Babylon. Dataran ini menempatkan 3 buah bangunan iaitu **Ulugh Beg Madrasah** yang dibina pada 1417, **Sher-Dor Madrasah** yang dibina pada 1619 dan **Tilya-Kori Madrasah** pada tahun 1646, selain di sini terdapat juga **Mausoleum of Shaybanids**.
- **Shah-i-Zinda Ensemble:** Sebuah kota yang merangkumi kediaman, pemakaman dan masjid untuk keluarga diraja Dinasti Timurid yang dibina sedari abad ke-11 lagi. Makam pertama yang terdapat di sini dikatakan milik saudara Rasulullah SAW yang datang ke kota ini pada abad ke-7 bagi menyebarkan agama Islam.



Shah-i-Zinda Ensemble

- Menziarahi **Bibi-Khanym Mosque** yang dianggap sebagai khazanah terpenting di Samarkand dan salah satu masjid yang tercantik di dunia yang dibina pada 1404 sebelum masa bebas untuk membeli-belah cenderamata dan kraftangan tempatan di Siab Bazaar yang terletak berdekatan dengan masjid ini.
- Mempelajari cara pembuatan kertas sutera di **Samarkand Paper Workshop** secara tradisional daripada orang tempatan.

Bermalam di Samarkand.

## HARI 7 SP/MT/MM Samarkand - Jartepo - Panjakent

Bertolak menuju masuk ke negara Tajikistan.

Lawatan di Panjakent:

- **Sarazm:** Bandar purba dan tapak arkeologi penempatan proto-bandar sejak milenium ke-4 SM dan merupakan tapak warisan UNESCO.



Sarazm

- **Rudaki Museum:** Muzium ini terdiri daripada beberapa bilik dan setiap bilik ada menyimpan replika dan artifak etnografi, kepingan sejarah, lukisan dinding, dan artifak yang terdapat di Panjakent Purba. Salah satu bilik khusus untuk penyair terkenal Abu Abdullah Rudaki.
  - **Ancient Penjikent:** adalah salah satu penempatan Empayar Sogdiana. Zoroastrianisme adalah agama utama, dan kitab-kitab sucinya menyebut Sogdiana sebagai tanah kedua terbaik yang dicipta oleh tuhan.
- Bermalam di Panjakent.

## HARI 8 SP/MT/MM Panjakent - Seven Lakes - Penjikent

Lawatan di **Seven Lakes:** Terletak di Pergunungan Fann, selatan Panjakent, Tajikistani

- Mengambil masa 1 jam setengah memandu dari Panjakent, anda akan sampai ke tasik pertama yang dipanggil **Nezhigon**, tasik air paling biru dan tasik terendah pada ketinggian 1,640m.
- Tasik kedua **Soya**, hanya beberapa minit dari tasik pertama. Tasik ini berwarna turquoise dan jernih. Tasik ini berada pada ketinggian 1,701m dan dua kali saiz Nezhigon, dengan keluasan 0.1 km persegi.
- Tasik ketiga, yang dipanggil **Gushor**, bersempadan dengan tasik kedua. Sedikit lebih besar daripada tasik kedua, tasik ini berwarna lebih gelap daripada dua tasik yang pertama. Jika anda lulus tasik ketiga, anda akan sampai ke bukit yang menyediakan pemandangan foto yang hebat. Gushor dikelilingi oleh tebing curam.
- Tasik keempat, atau **Nofin**. Tasik terpanjang daripada tasik yg lain, mempunyai komuniti kerana terdapat beberapa rumah berhampiran pantai. Terdapat juga guesthouse di sepanjang tasik ini yang dikendalikan oleh masyarakat setempat.
- **Khurdak:** Tasik ini adalah yang terkecil dan tercetek dari tasik yang lain, mempunyai keluasan hanya 0.025 km persegi. Terdapat perkampungan Padrut dan pernah mempunyai stesen mikrohidrokuasa kecil untuk menyediakan elektrik ke Padrut dan kawasan sekitarnya.
- Tasik keenam, atau **Marguzor**, adalah yang terbesar daripada tujuh tasik. Jalan di sepanjang tasik ini tinggi dan sempit. Untuk sampai ke sini, anda perlu meneruskan lebih daripada 2 km hiking di sepanjang jalan ular dari Khurdak dan mendaki ke ketinggian 2,140m.



- **Hazorchashma:** Tasik Tujuh yang tertinggi terletak kira-kira 2,400m di atas paras laut. Hazorchashma adalah tasik kedua terbesar, hampir sama saiznya dengan Marguzor. Nama itu berasal dari hazor dan chasma, secara harfiah: "seribu mata air" merujuk kepada banyak sumber air yang memberi makan sungai di dalam dan di bawah tanah.

Bermalam di Panjaket.



Seven Lakes

## HARI 9 SP/MT/MM Penjikent - Samarkand - Tashkent

Menuju ke Samarkand, Uzbekistan.

- Masa bebas untuk membeli belah barangan kraftangan dan makanan tradisional di **Siaab Bazaar** yang terletak di bandar Samarkand yang meriah, pasar bersejarah dan kuno yang bermula sejak abad ke-14. **Siab Bazaar** adalah mencerminkan evolusi ekonomi dan budaya Asia Tengah sepanjang sejarah. Siab Bazaar Samarkand merupakan salah satu pusat perdagangan utama pertama semasa Empayar Timurid pada abad ke-14.

Bermalam di Samarkand.



Siab Bazaar

## HARI 10 SP/MT/MM Tashkent - Kuala Lumpur

Menaiki keretapi dari Samarkand ke Tashkent.

Lawatan di Tashkent:

- Berfoto dan bersiar-siar di **Independence Square** yang dibina sebagai simbol kemerdekaan Uzbekistan, di mana di dataran ini terdapat beberapa monumen seperti Independence Monument, Happy Mother Monument dan lain-lain.

- **Amir Timur Square:** Dataran yang dibina pada 1882 dan di tengahnya terdapat tugu pemerintah agung Timur dan berdekatan sini juga terletaknya Amir Timur Museum yang dibina pada 1996.




Amir Timur Square

- Melihat keunikan stesen **Tashkent Metro** yang mana setiap stesen keretapi ini dibina dengan tema yang tersendiri yang gah.



Tashkent Metro

- Masa bebas untuk membeli-belah barangan kraftangan dan makanan tradisional di **Chorsu Bazaar** yang terletak di kawasan Old Town Tashkent.
- **Kukaldash Madrasah:** Sebuah institusi pendidikan yang dibina pada tahun 1570 sebelum ditukar menjadi caravanserai (hotel) bagi pedagang pada abad ke-18 sebelum ditukar menjadi madrasah semula pada 1990.



Kukaldash Madrasah

- **Hast Imam Square:** Menziarahi pusat keagamaan yang terpenting di Uzbekistan ini di mana tetamu berpeluang melihat Al-Quran tulisan tangan terawal berusia 1300 tahun yang dikatakan milik Saidina Uthman Bin Affan yang disimpan rapi di sini.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

## HARI 11 Kuala Lumpur

Tiba di Lapangan Terbang KLIA